



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SRI SUBROMANIAM THOLASY
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA**

**BERSEMPENA:
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
TAHUN 2017**

**TEMPAT:
DEWAN BANGSAWAN, IBU PEJABAT
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
CYBERJAYA, SELANGOR**

**TARIKH:
3 APRIL 2018 | SELASA**

1. Terima kasih kepada yang berusaha tuan dan puan pengacara majlis pada hari yang indah ini.

2. **YBhg. Dato' Zulkifli Bin Yahya**

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan/Pematuhan),

YBhg. Dato' Paddy Bin Abd. Halim

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman/GST),

YBhg. Dato' Ahmad Jailani Bin Muhammed Yunus

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan),

YBhg. Penolong-Penolong Ketua Pengarah Kastam

Dato' Abdul Latif Bin Abdul Kadir,

Dato' Azimah Binti Abd. Hamid,

Barisan Pengarah Bahagian Ibu Pejabat dan Negeri PANTAS,

Yang dihormati dan diraikan penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kastam bagi tahun 2017,

Seluruh warga jabatan,

Seterusnya tuan-tuan, puan-puan serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

3. Salam Sejahtera, Salam Negaraku Sehati Sejiwa dan Salam Semarak Integriti Kastam.

4. Terlebih dahulu suka untuk saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada seluruh pasukan jawatankuasa yang telah bersama-sama berganding bahu, menggembung tenaga dalam menjayakan penganjuran **“Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, bagi tahun 2017”** ini.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

Hadirin yang saya hormati sekalian.

*Bunga seroja di tepi kali,
Bunga melati bunga di darat;
Orang cemerlang untung sekali,
Jadi sebutan sepanjang hayat.*

5. Jabatan sentiasa menghargai dan mengiktiraf budaya kerja cemerlang, komitmen dan jasa yang diberikan oleh warga Kastam.

6. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang seumpama ini bertujuan menggalakkan warga Kastam untuk terus memberikan komitmen dan daya usaha dalam mempertingkatkan mutu kerja dan produktiviti setiap warga.

7. Pengiktirafan ini juga dapat mewujudkan persaingan yang sihat dalam membuktikan keupayaan diri masing-masing dan secara tidak langsung menghasilkan kualiti penyampaian yang terbaik.
8. Saya berharap pengiktirafan dan penghargaan seumpama ini dapat menjadi pendorong dan membangkitkan semangat kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk menyampaikan perkhidmatan dengan lebih berkualiti, seterusnya menjadi *role model* dan mentor terbaik kepada warga jabatan yang lain.

KESETIAAN KEPADA RAJA, NEGARA DAN KERAJAAN

Hadirlin yang saya hormati sekalian.

9. Dewasa ini, dapat kita lihat bermacam-macam cabaran dan rintangan telah dan sedang dihadapi oleh negara.
10. Sungguhpun demikian, pihak kerajaan telah berjaya mengharungi dan mendepani kesemua cabaran-cabaran ini hasil daripada keupayaan tampuk kepimpinan negara yang berwawasan serta berwibawa.
11. YAB. Perdana Menteri, telah memperkenalkan Dasar Transformasi Nasional bagi memangkin pencapaian negara ke arah sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.
12. Pencapaian negara pada hari ini, tidak akan berhasil baik tanpa dasar dan program jelas yang ditetapkan oleh kepimpinan negara.

13. Dasar dan program yang ditetapkan pula, perlu dilaksanakan sebaiknya oleh pelbagai sektor dan agensi di perkhidmatan awam.
14. Sebagai penjawat awam, kita perlu menetapkan kesetiaan kita kepada raja, negara dan kerajaan yang memerintah.
15. Sesungguhnya, kestabilan politik menjadi faktor penting bagi menjana peningkatan pelaburan negara sekaligus memacu pertumbuhan kemajuan serta menjamin kesejahteraan masa depan generasi akan datang.
16. Setiap tahun, pihak kerajaan berusaha menambahbaik skim perkhidmatan awam daripada segi emolumen dan insentif perkhidmatan.
17. Justeru, kita semua adalah tertakluk kepada prinsip setia kepada kerajaan yang memerintah.
18. Sekiranya terdapat perkara yang dirasakan perlu ditambahbaik, kita boleh mengutarakan pandangan kita untuk kebaikan bersama.

MALAYSIA KE ARAH TRANSFORMASI NASIONAL (TN50)

Hadirlin yang saya hormati sekalian,

19. YAB. Perdana Menteri telah mencetuskan Aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) bagi mencorakkan halatuju negara dalam tempoh 30 tahun mendatang selepas Wawasan 2020.

20. Gagasan TN50 ini mengambil kira ekspektasi, pandangan dan idea seluruh segmen masyarakat, terutamanya generasi muda yang bakal memimpin masa hadapan.
21. Inisiatif ini dipacu oleh matlamat dan misi yang jelas dengan mensasarkan Malaysia sebagai antara negara yang yang berada di *ranking* teratas dunia dalam sektor ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi.
22. Sebagai penjawat awam, kita perlu bersama-sama berpandangan jauh, tidak leka atau khusyuk dengan pencapaian masa kini.
23. Warga Kastam perlu melaksanakan *core business* atau amanah yang telah diberikan, iaitu menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat sejajar dengan konsep merakyatkan perkhidmatan awam.

BERKHIDMAT SECARA INTEGRITI

Hadirin yang saya hormati sekalian.

24. Isu integriti sering dikaitkan dengan penjawat awam khususnya agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
25. Kebanyakkan warga jabatan masih mendukung tinggi prinsip integriti semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

26. Dalam konteks ini, semasa sambutan Hari Kastam Sedunia kali ke-36 yang lalu, YAB. Perdana Menteri telah menyatakan keyakinan beliau terhadap JKDM kerana telah berjaya mematahkan cubaan penyeludupan beberapa komoditi seperti kenderaan, rokok dan minuman keras seterusnya menyelamatkan hasil negara.
27. Menurut beliau, pencapaian ini adalah hasil daripada ukuran tahap integriti yang tinggi dalam kalangan warga Kastam sehingga dapat mengurangkan ketirisan hasil.
28. Namun begitu, seperti yang sering saya sebutkan terdahulu bahawa barisan pengurusan tertinggi jabatan tetap bertegas dan tidak akan bertolak-ansur dengan mana-mana pegawai yang terlibat dengan gejala rasuah.
29. Sikap integriti serta akauntabiliti adalah antara prinsip penting yang perlu ada dalam setiap warga jabatan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.
30. Usaha pengukuhan integriti ini mampu membawa perubahan kepada jabatan di mana hasil atau cukai yang dipungut akan meningkat seterusnya menjana perkembangan ekonomi tanah air.

Hadirin yang saya hormati sekalian.

31. Sebelum saya mengundur diri, sekali lagi saya mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, bagi tahun 2017.

Sultan Mahmud mangkat dijulang,

Kisah temurun dahulu kala;

Prestasi kerja sentiasa cemerlang,

Menjadi teladan kepada semua.

32. Tidak lupa juga kepada seluruh pasukan jawatankuasa majlis yang telah bertungkus-lumus dalam memastikan kejayaan serta kelancaran penganjuran majlis pada hari ini.
33. Akhir kata, saya berharap agar budaya dan momentum kecemerlangan ini dapat diteruskan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa ke arah memacu keunggulan prestasi Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
34. Sekian, terima kasih.

**DATO' SRI SUBROMANIAM THOLASY,
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA.**

3 APRIL 2018